

DBKL alih khemah rosak akibat ribut di bazar Ramadan

KUALA LUMPUR - Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengambil tindakan segera mengalihkan khemah rosak selepas dilanda ribut di Bazar Ramadan Bazaria Taman Setapak Indah di sini pada Sabtu.

DBKL memaklumkan, insiden bermula susulan kejadian khemah petugas diterbangkan angin dan menghempap khemah peniaga lain di bazar tersebut.

Menurutnya, perbincangan diadakan dengan peniaga untuk mencari penyelesaian terbaik bagi mengatasi masalah itu dan peniaga menyuarakan keperluan mendapatkan khemah baharu.

“Selain itu, peniaga turut mencadangkan khemah dirapatkan bagi mengelakkan kejadian sama berulang,” katanya menerusi satu hantaran di laman sosial Facebook pada Sabtu.

Sebelum ini, seorang pengguna media sosial memuat naik video memaparkan khemah putih dipercayai diduduki petugas DBKL diterbangkan angin sebelum menghempap beberapa khemah peniaga lain.

Mengulas lanjut, DBKL berkata, pihaknya telah melakukan penukaran khemah petugas bagi memastikan kelancaran operasi.